

30/10/2003

Amerika tunjuk sikap lidah bercabang

APAKAH nilai RM4.5 juta (AS\$1.2 juta) kepada Malaysia berbanding soal maruah sebuah negara merdeka. Sama ada wang untuk bantuan dan latihan ketenteraan daripada Amerika Syarikat diterima atau sebaliknya, ia tidak sedikit pun meninggalkan kesan kepada kehidupan rakyat negara ini. Ia juga

bukan menjadi ukuran sama ada bertambah cekap atau tidaknya tentera Malaysia hanya disebabkan wang sejumlah itu. Bantuan untuk latihan ketenteraan itu, bukan juga petunjuk kepada arah ekonomi negara.

Walaupun

diakui latihan ketenteraan adalah penting bagi sesebuah negara, modul latihan boleh diubah suai mengikut keupayaan dan peruntukan. Jika peruntukan tidak mencukupi, belanja anggota bagi setiap sesi latihan boleh

dikurangkan atau masa latihan dipendekkan. Begitu juga kelengkapan dan peralatan latihan boleh ditentukan mengikut keperluan. Sebaliknya, jika kerajaan mampu menampung kekurangan itu, ia tidak menimbulkan sebarang masalah. Dari segi taktikal, adalah lebih baik menjalankan latihan ketenteraan bersendirian daripada menerima arahan pihak lain kerana ia membabitkan rahsia dan strategi ketenteraan. Apakah hanya disebabkan sejumlah wang berkenaan, yang pada hakikatnya memang tidak diperlukan, Malaysia terpaksa menutup mulut dan mengikut apa saja yang diarahkan oleh

orang lain?

Kita percaya, Senat Amerika Syarikat tidak akan berpuas hati walaupun berjaya memasukkan beberapa syarat berhubung soal bantuan kepada Malaysia.

Mereka akan mencari apa juga perkara baru yang boleh dijadikan senjata untuk menganiaya negara ini. Hakikatnya, apa yang mereka lakukan itu adalah tindak balas terhadap kecaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang secara terbuka memaklumkan kepada dunia bahawa "Yahudi mengawal dunia secara proksi" sewaktu berucap pada Sidang Kemuncak

ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, baru-baru ini. Walaupun kandungan ucapan Dr Mahathir itu lebih kepada kritikan terhadap negara-negara Islam yang berpecah-belah, Amerika Syarikat yang lebih terasa pedasnya. Kenyataan Dr Mahathir terhadap Yahudi itu tidak perlu diragui kebenarannya. Ia adalah hakikat yang sukar ditepis oleh mana-

mana kuasa dunia sekali pun. Amerika Syarikat tidak perlu terlalu sensitif terhadap kenyataan Dr Mahathir kerana Malaysia hanyalah sebuah negara kecil. Memberi reaksi yang berlebihan membuktikan bahawa Malaysia, walaupun kecil, tetap berpengaruh kerana kenyataan Dr Mahathir boleh menjadi pendapat umum, malah pendapat dunia. Di manakah kemerdekaan negara

ini sekiranya pemimpin negara ini tidak boleh bersuara langsung sedangkan

Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang menyanjung tinggi kebebasan bersuara. Janganlah tunjukkan sikap lidah bercabang yang mana apa saja

yang baik untuk negaranya disanjung, tetapi apabila ia memberi kesan buruk, dikecam.